

Ketegasaan Malaysia selamatkan imej NAM

AKHIRNYA Sidang Kemuncak Pergerakan Berkecuali (NAM) di Jakarta menerima juga pendirian tegas Malaysia supaya perisytiharan sidang mengutuk kekejaman puak Serb di Bosnia-Herzegovina. Kejayaan Malaysia memasukkan perkara 40 dalam Bahagian Ketiga perisytiharan itu adalah hasil daripada kesungguhan dan ketegasaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memperjuangkan isu itu. Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, juga turut menyinsing lengan mempertahankan pendirian Malaysia.

Bagi Malaysia, kekejaman puak Serb di Bosnia adalah isu kemanusiaan sejagat. Pendirian Malaysia dalam hal ini tidak pernah berubah sama ada ia berlaku di Eropah, Afrika, Timur Tengah atau di mana-mana saja. Malah, isu kekejaman Serb di Bosnia perlu diperjuangkan dengan lebih hebat kerana ia dilakukan oleh negara anggota NAM sendiri.

Langkah Malaysia memutuskan hubungan diplomatik dengan bekas republik persekutuan Yugoslavia seiring dengan prinsipnya menentang

penindasan dan kekejaman. Malah, salah satu-satunya negara yang mengambil keputusan memutuskan hubungan diplomatik bagi membuktikan, kepada dunia, betapa prihatinnya negara ini terhadap keganasan yang disokong oleh bekas negara Yugoslavia. Berasaskan prinsip ini, maka ketegasaan Dr Mahathir supaya perisytiharan NAM mengutuk keganasan di Bosnia bukanlah sesuatu yang luar biasa. Akan menjadi luar biasa jika selepas memutuskan hubungan diplomatik dengan bekas Yugoslavia, Malaysia mendiamkan diri di sidang NAM.

Ada pihak yang berpendapat Malaysia terpaksa bersuara lantang di Jakarta bagi menjaga imejnya kerana memutuskan hubungan diplomatik dengan bekas Yugoslavia. Pendapat sebegini sebenarnya memperkecilkan peranan NAM sendiri. Sebenarnya apa yang diperjuangkan oleh Dr Mahathir bukanlah untuk mencari publisiti atau menjaga maruah Malaysia, tetapi membela kaum yang ditindas dan pada masa yang sama menyelamatkan NAM daripada menjadi pentas sandiwara.

Kesediaan sidang NAM mengutuk

kekejaman puak Serb di Bosnia menyelamatkan imej NAM daripada ditertawakan oleh masyarakat antarabangsa. NAM yang dilahirkan atas prinsip menentang penindasan dan kekejaman akan menconteng arang dimukanya sendiri jika sidang di Jakarta membisu dengan kekejaman yang dilakukan oleh anggotanya sendiri.

Seluruh dunia mengutuk keganasan di Bosnia. Resolusi 771 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menuntut supaya dihentikan segera pencabulan undang-undang dan hak asasi manusia di Bosnia. Kesatuan Eropah pula enggan menerima Slovenia dan Montenegro sebagai wakil sah republik persekutuan Yugoslavia.

Kekejaman di Bosnia tidak lagi bersifat sengketa perebutan wilayah. Puak Serb bukan sekadar membunuh dan mengurung kaum Croat dan Bosnia Muslim, malah merogol gadis, menembak kanak-kanak dan merampas harta benda mereka. Kekejaman ini lebih dahsyat daripada apa yang berlaku di Shatila dan Sabra. Istilah 'ethnic cleansing' cukup untuk membuktikan apakah matlamat sebenar daripada kekejaman ini.

Bertolak daripada latar belakang ini, tentulah mengaibkan jika perisytiharan sidang NAM di Jakarta tidak mengambil pendirian tegas terhadap isu ini. Penerimaan Slovenia dan Montenegro selaku wakil Yugoslavia sedikit sebanyak menjejaskan imej NAM kerana negara Yugoslavia tidak wujud lagi. Seandainya perisytiharan sidang itu tidak mengecam kekejaman Serb di Bosnia, maka kewibawaan NAM sebagai pertubuhan kedua terbesar selepas PBB akan menjadi bahan ketawa. Apa ertinya NAM membidas PBB jika NAM sanggup melindungi kekejaman yang dilakukan oleh negara anggotanya?

Kini, NAM dan juga tuan rumah Jakarta, yang bertanggungjawab merangka perisytiharan sidang, terselamat daripada menjadi bahan cemuhan masyarakat antarabangsa. Walaupun negara bekas Yugoslavia mengeluarkan kenyataan membantah perkara 40, ia tidak akan meninggalkan apa-apa kesan kepada NAM kerana majoriti anggota NAM mengutuk kekejaman di Bosnia. Lebih penting lagi kewibawaan NAM sebagai Pergerakan Berkecuali akan terus dihormati, sekurang-kurangnya oleh negara anggota NAM sendiri.